



Kertas 1

5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- 1 Penubuhan Jawatankuasa Kerja adalah untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang akan menggantikan Malayan Union. Siapakah yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut?

BT m.s. 126-127

TP2 ARAS: R

- | | |
|-------------------|----------------------|
| I John Thivy | III Dato' Onn Jaafar |
| II Tan Cheng Lock | IV A.T. Newbould |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 2 Apakah manfaat yang diterima oleh orang Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BT m.s. 127

TP2 ARAS: R

- A Kebebasan berpolitik
B Menguasai pentadbiran
C Menentukan kerakyatan
D Kedudukan istimewa dilindungi

- 3 Rundingan Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji pembentukan Persekutuan Tanah Melayu mendapat tentangan daripada golongan nasionalis Melayu radikal.

BT m.s. 128

TP2 ARAS: R

Apakah faktor penentangan mereka?

- A Menuntut kemerdekaan mutlak
B Hak istimewa orang Melayu dinafikan
C British hanya berunding dengan UMNO
D Jawatankuasa Kerja bersifat perkauman

- 4 British menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan menolak cadangan PUTERA-AMCJA untuk membentuk Perlembagaan Rakyat.

Apakah reaksi PUTERA-AMCJA terhadap keputusan British tersebut?


BT m.s. 131

TP3 ARAS: S

- A Melancarkan mogok lapar
B Melancarkan demonstrasi jalanan
C Menghentikan semua kegiatan perniagaan
D Menganjurkan ceramah politik di seluruh negeri

5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- 5 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan pentadbiran tersebut?

BT m.s. 132

TP4 ARAS: S

- A Desakan pelabur luar
B Bantahan golongan imigran
C Hasrat British memerdekakan Tanah Melayu
D Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union

- 6 Senarai berikut menunjukkan pegawai tinggi British yang berkhidmat di Tanah Melayu.

- | | |
|-------------------|------------------|
| • Sir Edward Gent | • Sir Ralph Hone |
|-------------------|------------------|

Apakah peranan mereka sehingga terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BT m.s. 133

TP4 ARAS: S

- A Menentang pelaksanaan Malayan Union
B Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
C Menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
D Mencadangkan penglibatan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran pusat

5.3 Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

- 7 Bagaimanakah British mengembalikan kedaulatan Raja-raja Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BT m.s. 134

TP4 ARAS: S

- A Sultan bertanggungjawab dalam hal pentadbiran negeri masing-masing
B Rang undang-undang baharu harus mendapat perkenan Majlis Raja-Raja
C Ahli Majlis Perundangan Persekutuan mempunyai wakil Raja-raja Melayu
D Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi dan wakil Raja-raja Melayu

- 8 Apakah syarat kewarganegaraan bagi orang bukan Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BT m.s. 135

TP4 ARAS: T

- I Boleh berbahasa Melayu
II Menetap 15 tahun di Tanah Melayu
III Wajib memahami adat dan budaya Melayu
IV Lahir sebelum penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

5.4 Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- 9 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan satu kejayaan kepada orang Melayu yang menentang Malayan Union.

BT m.s. 136

TP4 ARAS: R

Mengapakah orang Melayu menerima penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengukuhkan ekonomi peribumi
B Membuka ruang ke arah berkerajaan sendiri
C Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
D Mengiktiraf kepentingan sah kaum bukan Melayu

- 10 Jawatankuasa berikut dibentuk selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (Communities Liaison Committee)
--

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

BT m.s. 137

TP4 ARAS: S

- A Merangka kontrak sosial pelbagai kaum
B Membentuk parti politik berasaskan kaum
C Mewujudkan kerjasama pemimpin pelbagai kaum
D Menentukan kepentingan sah kaum bukan Melayu